

Family Variables and Self Concept Variables

(Part 20)

Siti Sarawati Binti Johar

5.2 Peranan adik beradik

Setelah ibu bapa, elemen keluarga kemudiannya dilengkapkan dengan anak-anak atau disebut sebagai adik beradik untuk lingkungan sesama anak. Adik beradik merupakan subsistem dalam keluarga dan suatu komponen yang turut penting dalam pembentukan konsep kendiri seseorang individu. Fungsi adik beradik bukan sahaja sebagai modeling dan membimbing malahan turut mendidik ahli keluarga yang lebih muda (Stoneman, Brody & Mac Kinnon, 1984). Kanak-kanak yang mempunyai adik beradik yang saling menerima dan menyokong akan menunjukkan penyesuaian sosial dan sekolah daripada adik beradik yang sentiasa berkonflik. Adik beradik yang lebih rapat iaitu umur yang lebih dekat dan hampir didapati akan lebih akrab dan mesra berbanding adik beradik yang mempunyai jarak umur yang jauh bezanya.

Wujud beberapa kajian yang dilakukan oleh *Robert Plomin, Denise Daniels dan rakan* (*Daniels, 1986; Daniels, Dunn, Furstenberg & Plomin, 1985; Plomin & Bergeman, 1991; Plomin & Daniels, 1987*) dengan menggunakan soal selidik Sibling Inventory of Differential Experiences (SIDE) mendapatkan, terdapat perbezaan interaksi antara adik beradik, ibu bapa, rakan dan peristiwa. Apabila pengalaman mereka dikaitkan dengan kajian perkembangan remaja, kanak-kanak yang mengalami kemesraan ibu bapa, lebih rapat dengan adik beradik dan berpengaruh dalam keputusan keluarga adalah lebih baik daripada segi psikologi (*Daniels et.al., 1985*). Ini mempunyai perbezaan dengan pengalaman antara adik beradik. Ia mempunyai kaitan rapat dengan persepsi kendiri yang tinggi pada keupayaannya dan nilai kendirinya walaupun di kalangan kembar (*Mc Guire, Neiderhiser, Reiss Hetherington & Plomin, 1994*).

Iklim lingkungan adik beradik sebagai anak-anak kepada ibu bapa yang sekiranya berjaya diwujudkan oleh ibu bapa dalam keadaan yang sihat tanpa persaingan yang boleh mewujudkan dendam, dengki atau permusuhan memungkinkan individu akan berkembang sebagai individu yang memiliki konsep kendiri yang seimbang dan tinggi. Peranan anak sulung, anak kedua dan anak seterusnya perlu sentiasa dipantau oleh ibu bapa agar tidak wujud masalah mendominasikan sesama adik beradik atas kepentingan sendiri.

CONTINUE...